

17 JAN 2001

CUEPACS SAMBUT BAIK PELANTIKAN SAMSUDIN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam menyambut baik pelantikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru.

Beliau berkata negara akan berbangga dengan pelantikan itu kerana Samsudin terkenal kerana pengetahuan, kebijaksanaan dan sifat rendah dirinya.

"Saya yakin beliau akan terus menyuntik semangat baru dalam perkhidmatan awam kita," katanya kepada Bernama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan tentang pelantikan itu hari ini bagaimanapun tidak menyebut bila Samsudin akan memulakan tugas barunya itu.

Siva Subramaniam berharap Samsudin akan meneruskan khidmat cemerlang semua KSN sebelum ini.

--BERNAMA

CS NHA MAI